



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
CREATIVE INDUSTRIES  
(IJCRI)**  
[www.ijcrei.com](http://www.ijcrei.com)



## **‘MENAWAN HATI MELAYU’: PERSPEKTIF PENGARANG SYAIR TUAN HAMPRIS TERHADAP KOLONIAL**

*WINNING THE HEARTS OF THE MALAYS: THE PERSPECTIVE OF THE  
AUTHOR OF SYAIR TUAN HAMPRIS TOWARDS THE COLONIALISTS*

Rahimah Hamdan<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor.  
Email: rahimahh@upm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 25.11.2020

Revised date: 24.12.2020

Accepted date: 28.12.2020

Published date: 31.12.2020

#### **To cite this document:**

Hamdan, R. (2020). ‘Menawan Hati Melayu’: Perspektif Pengarang Syair Tuan Hampris Terhadap Kolonial. *International Journal of Creative Industries*, 2 (5), 01-15.

**DOI:** 10.35631/IJCRI.25001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kolonialisasi British di Alam Melayu pada abad ke-19 Masihi telah menimbulkan penentangan dalam kalangan masyarakat peribumi yang disuarakan dalam karya kesasteraan. Namun, amat menjengkelkan jika terdapat karya Melayu yang mengagung serta memuji kolonial British. Inilah *Syair Tuan Hampris* hasil karangan Hajah Wok Aisyah Nik Idris di Terengganu pada awal abad ke-20 yang bertanggungjawab memecahkan tradisi ini. Secara ironinya, pengarang syair ini seolah-olah melupakan kesengsaraan masyarakat Melayu sepanjang pentadbiran British di negeri-negeri lain menerusi karya syairnya. Justeru, apakah Hajah Wok Aisyah mempunyai sebab tersendiri dalam penulisannya? Apakah pengarang *Syair Tuan Hampris* tertawan hati dengan pentadbir British ini? Apakah pentadbir British J.L.Humphreys ini berjaya menawan hati masyarakat Melayu Terengganu? Rentetan dari situlah, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perspektif pengarang terhadap kolonial dan menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam syair. Metodologi kajian adalah analisis teks menggunakan perspektif lapan panduan ‘menawan hati individu Melayu’ yang dikemukakan oleh Residen Jeneral British pertama di Persekutuan Tanah Melayu iaitu Sir Frank Swettenham dalam ‘The Malay Sketches’ pada tahun 1895. Lapan panduan menambat hati individu Melayu ini diterapkan kepada *Syair Tuan Hampris* agar dapat menjawab perspektif pengarang syair ini terhadap kolonial dalam karyanya iaitu keperluan tinggal di negerinya, menggunakan bahasanya, menghormati agamanya, menyukai apa yang mereka sukai, menjenakai segala prejudisnya, bersimpati dengannya, menolongnya ketika susah dan turut berkongsi kegembiraan dengannya. Dapatkan kajian adalah *Syair Tuan Hampris* mengajak khalayak ke satu

spektrum perhubungan yang unik antara masyarakat yang dijajah dengan kolonial. Kolonial dalam syair ini bukan lagi dianggap sebagai individu yang membawa kerusakan dan kebinasaan kepada masyarakat setempat tetapi dipandang mulia dalam setiap tindak-tanduknya. Apakah lagi pengarang yang merupakan seorang wanita dapat menjelaskan hubungan keakraban antara mereka dengan sempurna dalam bait-bait syairnya. Inilah kehebatan *Syair Tuan Hampris* yang secara langsung membuktikan bahawa wanita mempunyai suara dalam masyarakat walau terpaksa melawan konvensi kepengarangan Melayu pada zaman tersebut.

#### Kata Kunci:

Perspektif pengarang, *Syair Tuan Hampris*, Hajah Wok Aisyah Nik Idris, J.L. Humphreys, kolonial British

#### Abstract:

This study was aimed at identifying the author's perspective of the colonialists, and to analyse her relationship with one of them in her poem. The British colonisation of the Malay world in the nineteenth century gave rise to various reactions and attitudes among the indigenous communities, the majority of whom were opposed to colonisation, as recorded in traditional Malay literary works. Most of these works expressed the anxiety and hardships they encountered in life under the colonial government. Therefore, it would have been disturbing if any Malay writer were to heap praises on the British colonialists, more so if the writer happened to be a female, as according to the patriarchal system that dominated the conventional Malay literary world, women should be 'silent'. Nevertheless, this tradition was broken by Hajah Wok Aisyah Nik Idris from Terengganu with her writing of *Syair Tuan Hampris*, in the early twentieth century. Ironically, in her poem, the author appears to have forgotten the miserable state of the Malays in the other states under the British administration. As such, did Hajah Wok Aisyah have her own reasons for writing the way she did? Was the author of *Syair Tuan Hampris* captivated by the British administrator? Did the British administrator, J. L. Humphreys, succeed in winning the hearts of the Malays in Terengganu? The method of text analysis was employed in this study, guided by the eight ways proposed by the first British Resident-General of the Federation of Malaya, Sir Frank Swettenham, to *Syair Tuan Hampris*. This study found that *Syair Tuan Hampris* invites its readers to savour the unique spectrum of relationships that existed between the colonised people, and the colonialists. The colonialists are no longer regarded as individuals who brought ruin and destruction to the local community, but instead, all their actions are held as being honourable. Thus, the author, being a woman, was able to perfectly explain her closeness to one such colonialist in the verses of her poem. In conclusion, *Syair Tuan Hampris* is strong and direct proof that women had a voice in the community at that time, even though they had to go against the conventions of Malay literature.

#### Keywords:

Author's Perspective, *Syair Tuan Hampris*, Hajah Wok Aisyah Nik Idris, J. L. Humphreys, British Colonialists

## Pendahuluan

Abad ke-19 Masihi menyaksikan pesatnya perluasan kuasa dan pengaruh Barat terhadap koloninya seperti di Alam Melayu. Pada tiga abad yang pertama (1511 hingga 1800 Masihi), penjajah Barat ini tidak berminal untuk mengetahui serta mendalamai masyarakat yang dijajah

(Sweeney 1987). Portugis yang menakluk Melaka pada 1511 Masihi dikatakan bukanlah penjajah yang berjaya kerana tidak meninggalkan kesan kesarjanaan ilmu terhadap bumi yang dijajah (Ismail Hussein 1974). Kehadiran mereka yang lebih bermotifkan ekonomi sehingga tidak memberi kesan yang mendalam kepada kegiatan kesusasteraan Melayu. Walau bagaimanapun, sekitar tahun 1800 sehingga 1850 menyaksikan keghairahan para kolonial ini untuk mendalami sastera, budaya dan bahasa masyarakat yang dijajah. sebagai reaksi mereka terhadap perkembangan Revolusi Perindustrian di Eropah (Ismail Hussein 1974; Sweeney 1987). Pada masa yang sama, Teori Darwinisme yang berkembang pesat di Eropah telah mewujudkan konsep '*white man's superior*' dan '*white man's burden*' yang menguatkan perspektif rasisme dalam kalangan masyarakat Barat. Secara langsung, masyarakat dunia kini diklasifikasikan kepada kelompok yang inferior (dijajah) dan superior (menjajah). Menerusi ideologi kolonial, pegawai-pegawai Eropah dan pewaris pemikirannya mewujudkan watak berat sebelah kepada masyarakat peribumi. Para sarjana kolonial ini menghindari kajian mengenai aspek-aspek negatif kolonialisme sebaliknya mendakylahkan bahawa 'kaedah dan kebudayaan Barat' itu unggul, rakyat Barat seharusnya memimpin dunia, mereka lah yang berhak mengumpul kesuburan Alam Timur dan pentadbir yang terbaik berteraskan kepada konsep '*white men's burden*' ini (Putten 2006, Noriah Taslim 2016).

Rentetan dari sinilah, bidang kesusasteraan dan budaya dimanipulasi sebagai usaha untuk memahami pemikiran masyarakat dikaji. Maka pada abad ke-18 dan 19 Masihi lahirlah para pengarang Melayu di bawah istana Eropah (*European Courts*) yang menghasilkan karya bagi memenuhi permintaan para pentadbir Barat (*white rajas*). Tujuan kepengarangan adalah untuk menampakkan kesignifikan kehadiran Barat kepada masyarakat jajahan seperti karangan oleh Lau'din, Ahmad Rijaluddin, Abdullah al-Misri, Khatib Lokman, Abdullah Munshi dan beberapa yang lain (Sweeney dan Phillips 1975:xxiii). Sehubungan itu, medan kreatif yang lebih terbuka dalam situasi lebih liberal melanda kesusasteraan Melayu. Para pengarang Melayu tidak lagi menghasilkan karya yang berpusatkan istana sebaliknya mula terdedah kepada bentuk-bentuk sastera dan penulisan yang diperkenalkan oleh Eropah seperti jurnal, majalah, akhbar termasuk cerita-cerita pengembalaan, sejarah dan perang (Zaini-Lajoubert 2008; Noriah Taslim 2016). Aktiviti sastera beransur-ansur keluar daripada ruang lingkup istana dan para pengarang baharu mulai muncul dalam kalangan golongan bawahan dan rakyat biasa (Parnickle 1995; Raimy Che-Ross 2008:53). Tambah hebat apabila bermula dari sinilah, para pengarang wanita mula memecahkan tembok gender yang sekian lama dimonopoli oleh pengarang lelaki. Misalnya di Pantai Timur Semenanjung seperti Terengganu yang melahirkan para pengarang wanita daripada kelompok istana dan rakyat biasa (Bottoms 1965) seperti Tengku Dalam Kalthum dan beberapa yang lain (Bottoms 1965). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada pengarang bernama Hajah Wok Aisyah binti Haji Nik Idris, seorang wanita dalam kalangan rakyat biasa yang berani memecahkan dominasi patriarki dalam dunia kepengarangan Melayu. Apatah lagi beliau mengarang untuk mengangkat kehebatan pentadbiran kolonial British di Terengganu melalui karyanya bertajuk *Syair Tuan Hampris* pada ketika kebanyakan karya Melayu menyuarakan kegelisahan dan keperitan hidup mereka di bawah kolonialisasi. Secara ironinya, pengarang syair ini seolah-olah melupakan kesengsaraan masyarakat Melayu sepanjang pentadbiran British di negeri-negeri lain menerusi karya syairnya. Justeru, apakah Hajah Wok Aisyah mempunyai sebab tersendiri dalam penulisannya? Apakah pengarang *Syair Tuan Hampris* tertawan hati dengan pentadbir British ini? Apakah pentadbir British J.L. Humpreys ini berjaya menawan hati masyarakat Melayu Terengganu? Rentetan dari situlah, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perspektif pengarang terhadap kolonial dan menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam

syair. Pada akhirnya, kajian ini dapat memberi justifikasi keistimewaan pegawai kolonial ini sehingga diangkat sedemikian oleh pengarangnya yang merupakan seorang wanita daripada kelompok rakyat biasa.

### Sorotan Kajian

Syair ini pertama kali diperkenalkan oleh sejarahwan Terengganu iaitu Hj. Mohd. Salleh Hj. Awang (Misbaha) dalam kertas kerja beliau pada seminar 1975. Pada tahun 1978/79, syair ini telah dikaji oleh Ramlah Abdul Hamid daripada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya sebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sasteranya. Sehingga kini, tiada kajian yang eksklusif dilakukan terhadap syair ini dan pengarang Hajah Wok Aisyah sendiri. Bertitik-tolak daripada sinilah, maka kajian ini wajar dilakukan agar keunikan *Syair Tuan Hampris* dapat dikaji secara rinci dan tepat.

Syair karya Hajah Wok Aisyah ini mengandungi 232 rangkap dan dimulakan dengan mukadimah yang berbeza dengan karya syair yang lain seperti *Syair Perang Mengkasar*, *Syair Aceh Syair Lampung Karam* dan beberapa syair lain yang menggunakan doksologi sebagai pembuka bicaranya. Sebaliknya syair ini dimulakan dengan makluman kepada khalayak agar tidak mengeji hasil tulisannya iaitu:

Dengarkan tuan suatu peri  
Syair dikarang dagang yang ghari  
Bukan menunjuk bijak bestari  
Kerana membuat ingatan diri

Bukannya bijak hamba tunjukkan  
Sekadar tangan hendak diajarkan  
Yang mana boleh hamba buatkan  
Janganlah pula hamba dikejikan

(*Syair Tuan Hampris*, hal.1)

Keadaan ini adalah disebabkan oleh kelainan yang ditunjukkan oleh pengarang dalam karya di mana ‘orang asing’ yang merupakan ‘pihak kolonial’ dijadikan tumpuan utama pemerian dalam syair ini. Sehubungan itulah penyair menggunakan kebijaksanaannya untuk menyeimbangkan antara ketaatannya kepada raja yang memerintah dengan tokoh yang menjadi fokus dalam karyanya. Meneliti syair ini mendapati pengarang dalam bahagian pertama syair memaparkan ketokohan Sultan Zainal Abidin III dan pada bahagian kedua syair memperihalkan tokoh penting dalam sejarah kemodenan Terengganu iaitu J.L.Humphreys, seorang pegawai tadbir kolonial yang berkhidmat dari tahun 1915 sehingga 1925 (Muhammad Yusoff Hashim 1988). Pengarang memuji sultan sebagai ‘royal-ulama’ dan diceritakan peristiwa penting dalam kehidupan sultan terutama peristiwa menunaikan haji ke Mekah dalam syair ini. Peribadi sultan yang mementingkan agama dalam pemerintahannya menjadikan Terengganu makmur dan maju atas rahmat daripada Yang Maha Kuasa. Bagindalah sebagai raja Terengganu yang berjaya mengekalkan ‘kemerdekaan’ Terengganu sebagai sebuah negeri yang bebas daripada pengaruh kolonial British. Rentetan daripada Perjanjian Terengganu-Inggeris yang ditandatangani pada 24 Mei 1919 di Singapura, maka bermulalah pertukaran taraf pegawai Inggeris yang diutuskan ke negeri tersebut daripada ‘Wakil’ kepada ‘Penasihat’ (Muhammad Yusoff Hashim 1988). Manakala, pemerian mengenai tokoh J.L.Humphreys pula dimasukkan oleh pengarang agar kebaktian dan jasa tokoh ini sentiasa segar diingati oleh

masyarakat Terengganu rentetan kemajuan negeri yang banyak dilakukan semasa perkhidmatan beliau sebagai Penasihat Inggeris.

Syair ini menampilkan judul tokoh yang khusus iaitu J.L. Humphreys yang kemungkinan sengaja dipilih oleh Hajah Wok Aisyah Nik Idris. Keunikan pengarang wanita ini adalah beliau tidak terikat sama ada di bawah '*Malay Literature of the Malay Courts*' atau '*Malay literature of the European Courts*'. Sebaliknya beliau adalah seorang penulis bebas yang memyampaikan world-viewnya menurut sudut pandangnya yang tersendiri. Muhammad Yusoff Hashim (1988) mengkategorikan beliau di bawah 'penulis amateur' yang meletakkan beliau istimewa berbanding pengarang bangsawan wanita yang ada ketika itu seperti Tengku Dalam Kalthum binti Tengku Wook Khazaki yang mengarang Syair Tawarikh Zainal Abidin III serta Tengku Mariam binti Sultan Ahmad yang menyusun naskhah *Syair Perkahwinan Dahulu Kala*.

Keberanian Hajah Wok Aisyah Hj. Nik Idris untuk tampil sebagai pengarang adalah disebabkan oleh latar belakangnya yang sentiasa dikelilingi oleh pegawai-pegawai Inggeris. Pekerjaan suaminya Haji Busu sebagai Setiausaha Pelajaran Agama Islam dan Pendaftar Mahkamah Besar Terengganu memberi kelebihan kepada beliau untuk akrab dengan golongan ini dan terus berkarya dengan memilih Penasihat British J.L.Humphreys sebagai tokoh utama pembicaraan sambil melupakan 'pergolakan' yang dialami oleh para pemerintah tradisional Melayu dengan pegawai-pegawai British pada awal pengenalan sistem penasihat di negeri tersebut. Secara ironinya, seolah-olah pengarang ini melupakan kesengsaraan masyarakat Melayu bergelut dengan kerencaman pentadbiran British di negeri-negeri yang lain menerusi penampilan tokoh 'British' ini dalam karyanya. Namun jika diteliti secara rasional, Hajah Wok Aisyah mempunyai alasan tersendiri atas kepenulisannya.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks bagi mencapai dua objektif kajian iaitu mengenalpasti perspektif pengarang terhadap kolonial dan menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam syair. Bagi mencapai objektif satu, terdapat dua aktiviti yang dijalankan iaitu:

- i. Meneroka perspektif pengarang syair yang berfokuskan kolonial
- ii. Meneroka kerangka 'menawan hati Melayu' yang boleh menganalisis karya

Kajian mendapati perspektif Residen Jeneral British pertama di Persekutuan Tanah Melayu iaitu Sir Frank Swettenham dalam '*The Malay Sketches*' (1895) sesuai digunakan untuk menganalisis karya. Justifikasi pemilihan adalah disebabkan oleh Swettenham (1895) merupakan pegawai tertinggi kolonial yang sangat berpengaruh dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat dan antara sarjana kolonial awal yang memberi panduan untuk menambat hati Melayu berdasarkan pengamatan terhadap masyarakat Melayu Perak. Lapan panduan menambat hati individu Melayu (Swettenham 1895) diterapkan kepada *Syair Tuan Hampris* agar perspektif pengarang dapat dianalisis dengan tepat iaitu:

- i. Keperluan tinggal di negerinya
- ii. Menggunakan bahasanya
- iii. Menghormati agamanya
- iv. Menyukai apa yang mereka sukai
- v. Menjenakai segala prejudisnya

- vi. Bersimpati dengannya
- vii. Menolongnya ketika susah
- viii. Berkongsi kegembiraan dengannya

Seterusnya bagi mencapai objektif dua iaitu menganalisis hubungan pengarang dengan kolonial dalam syair, kajian akan menghubungkan lapan panduan menambat hati individu Melayu oleh Swettenham (1895) ini dengan *Syair Tuan Hampris*. Pada akhir kajian, perspektif pengarang syair ini iaitu Hajah Wok Aisyah dapat diadili sewajarnya dan secara tidak langsung membuktikan bahawa pengarang wanita mampu menegakkan pendiriannya walau realitinya melawan dengan arus kepenggarangan yang sedia ada.

### **Perspektif Pengarang Terhadap Kolonial dalam *Syair Tuan Hampris***

Tradisi Islam yang masuk ke Tanah Melayu memperkenalkan tugas ‘pekerjaan kalam’ (*The deeds of the reed pen*) kepada pengarang Melayu (Braginsky 1993). Pengarang Melayu mulai disedarkan mengenai kepentingan sastera dalam kehidupan mereka yang diistilahkan oleh Braginsky (1993; 2004) sebagai ‘*literary self awareness*’. Kesedaran sastera’ yang lahir bersama perkembangan agama Islam ini membawa masyarakat agar mengetahui matlamat, tujuan, intipati, hakikat, jenis, proses penciptaan sastera sejarah dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan ‘pekerjaan kalam’ ini. Nyata bahawa ‘*literary awareness*’ yang terbina di kalangan pengarang Melayu selepas kedatangan Islam menyedarkan golongan intelektual ini bahawa mereka tidak mengarang dengan sia-sia. Meneliti *Syair Tuan Hampris* yang dikarang oleh Hajah Wok Aisyah binti Hj. Nik Idris mendapati bahawa beliau sebagai pengarang berusaha untuk menghasilkan karya yang menepati ‘*literary self awareness*’ ini agar bermanfaat kepada khalayaknya. Apatah lagi karya yang dihasilkan akan mengangkat nama pentadbir kolonial sebagai penasihat British di Terengganu yang nyata kontradik dengan karya-karya sebelumnya. Kebanyakan karya yang dihasilkan pada zaman kolonial lebih mengangkat semangat juang masyarakat Melayu ke arah usaha membebaskan diri daripada penjajahan. Namun meneliti *Syair Tuan Hampris* mendapati pengarangnya lebih senang dengan kehadiran tokoh ini malah berduakacita setelah beliau ditukarkan ke negeri lain setelah tamat berkhidmat di Terengganu.

Justeru, untuk menghuraikan perspektif pengarang terhadap pihak kolonial dalam syair ini, kajian akan menggunakan lapan (8) panduan ‘menawan hati’ masyarakat Melayu menurut Swettenham (1895:20) dalam bukunya *The Malay Sketches*. Menurut Swettenham (1895:20), untuk menambat hati individu Melayu, pihak pegawai kolonial perlu tinggal di negerinya, menggunakan bahasanya, menghormati agamanya, menyukai apa yang mereka sukai, menjenakai segala prejudisnya, bersimpati dengannya, menolongnya ketika susah dan turut berkongsi kegembiraan dengannya sebagaimana yang dijelaskan oleh keterangan di bawah ini.

### **Pentadbir Yang Dikasihi Seluruh Golongan Masyarakat**

Menurut Swettenham (1895) untuk menawan hati masyarakat Melayu, seseorang pegawai kolonial perlu tinggal di negerinya agar dapat berasimilasi dengan adat dan budaya masyarakat jajahan. Mereka perlu mempunyai ilmu yang mencukupi agar memudahkan tanggungjawab mereka di tanah jajahan dapat dipikul dengan efisyen dan sempurna. Pengarang *Syair Tuan Hampris* (selepas ini dikenali sebagai STH) memasukkan pengenalan syair dengan makluman taraf pendidikan penasihat British di Terengganu yang bernama J.L.Humphreys ini. Secara tidak langsung, ini memberi gambaran bahawa penasihat British yang bersama mereka bukanlah ‘calang-calang individu’ sebaliknya yang berpengetahuan tinggi dalam selok-belok

pentadbiran agar mampu menyesuaikan diri dalam tempoh yang lama berkhidmat di Terengganu. Bait-bait syair, “Pelajarannya konon di universiti, Oxford bernama kampungnya pasti” adalah pemberitahuan kepada khalayak Melayu bahawa J.L.Humphreys dengan ilmunya yang tinggi dan budi bahasanya yang mulia mampu berinteraksi dengan masyarakat jajahan seperti petikan di bawah:

Halus bahasanya tiada terperi  
Payah dilawan sukar diganti  
Patutlah jadi pegawai negeri  
Wakil kerajaan ke sana ke mari

Lemah lembut barang lakunya  
Halus manis tutur katanya  
Patutlah rupa dengan namanya  
Sekalian memuji orang padanya

(*Syair Tuan Hampris*, hal.2)

Pengarang turut memasukkan maklumat tempoh J.L. Humphreys berkhidmat di Terengganu iaitu selama sepuluh (10) tahun sebagaimana yang dinyatakan, “Sepuluh tahun pada anggaran, negeri pun baharu mengada aturan” (*Syair Tuan Hampris*, hal. 14). Ini ditambah dengan bait, “Kerana sekaliannya kasih dan mesra, tuan nan lama di dalam negara” (*Syair Tuan Hampris*, hal. 20) membuktikan bahawa J.T., Humphreys menepati panduan oleh Swettenham bahawa keberadaan dalam negeri jajahan amat penting dalam menawan hati masyarakatnya.

#### ***Pentadbir Yang Dikagumi Kefasihan Berbahasa***

‘Bahasa adalah jiwa bangsa’. Sehubungan itu, menjawai bahasa yang dijajah sehingga mampu bertutur seperti masyarakatnya amatlah dituntut dalam diri setiap pegawai tanah jajahan. Pengarang menggambarkan J.L. Humphreys sangat fasil berbahasa Melayu dengan loghat Terengganu sehingga mengalahkan masyarakat tempatan sendiri seperti bait berikut:

Adapun tuan muda yang handal  
Berbahasa Melayu haram tak janggal  
Terlebih daripada Melayu asal  
Perkataannya halus lagi berfasal

(*Syair Tuan Hampris*, hal.2)

#### ***Pentadbir Yang Menghormati Agama Islam***

Peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch pada tahun 1875 menjadi ikhtibar kepada semua pegawai tanah jajahan termasuklah J.L. Humphreys. Sebagai penasihat British tidak memberi kekebalan kepada mereka untuk turut masuk campur dalam agama, adat dan budaya Melayu. Inilah menurut pengarang STH keintelektualan J.T. Humphreys memperkenalkan satu undang-undang sivil mengenai nikah dan cerai agar keadaan ini dalam ditangani secara sistematik. Borang nikah dan cerai perlu diisi agar segala dokumen perkahwinan direkod dan disimpan dengan baik. Petikan di bawah merakamkan keadaan selepas pengenalan peraturan nikah-cerai yang menunjukkan betapa penasihat British di Terengganu ini menghormati agama Islam dan tidak mencampuri urusan tersebut sewenang-wenangnya seperti berikut:

Lagi suatu pula dibuat  
Peraturan baharu keluar adat  
Nikah dan cerai mengambil surat  
Kedua perkara sangatlah berat

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 14)

Sebabnya dibuat demikian peri  
Kerana kebanyakannya di dalamnya negeri  
Orang bercerai laki isteri  
Kemudian bergaduh sepanjang hari

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 15)

Di dalam aturan sangatlah kuat  
Cerai dan nikah mesti bersurat  
Repot dahulu kepada pejabat  
Jikalau tidak salah mendapat

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 15)

### **Pentadbir Yang Mengarang Dalam Bahasa Melayu**

Perspektif pengarang STH ini menggambarkan betapa penasihat British ini menguasai tulisan Jawi yang merupakan tulisan utama dalam sistem perhubungan rasmi pada zaman tersebut. Beliau yang mengarangnya sendiri membuktikan keseriusan komitmen beliau terhadap masyarakat Terengganu sehingga berusaha menguasai semua yang diamalkan dalam masyarakat termasuk tulisannya. Secara tidak langsung situasi ini menggambarkan betapa J.L. Humphreys berusaha untuk menyukai apa yang masyarakat amal dan sukai dalam kehidupan mereka seperti di bawah:

Mengarang itu dalam bahasa Melayu  
Mengadakan aturan hilir dan hulu  
Undang-undang dan skim tetap selalu  
Kepada menteri pegawai penghulu

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 14)

### **Pentadbir Yang Menangani Segala Prejudis Masyarakat Dengan Bijaksana**

Menurut Swettenham (1895:20), seseorang pegawai British perlu memenangi hati masyarakat Melayu menerusi cara menangani prejudis mereka dengan bijaksana. Ini digambarkan dalam STH bagaimana tindakan Tuan Hampris untuk mewujudkan jalan raya dan pasar telah dipandang prejudis oleh sebilangan masyarakat Melayu Terengganu. Namun, kebijaksanaan komunikasi dan interpersonal beliau telah berjaya menenggelamkannya sehingga masyarakat Melayu akhirnya mengakui kebijaksanaan perancangan dan tindakan J.L. Humphreys demi kemajuan Terengganu. Ketidak seriusan J.L.Humphreys apabila menyedari tindakannya diselar akhirnya telah membahukan kepercayaan masyarakat seperti berikut:

Pada masa jalan dibuatnya besar  
Datanglah notis pegawai Bandar  
Rumah yang terkena ke jalan besar  
hendaklah segera pindah beredar

Manakala mendengar notisnya itu  
Banyaklah orang berhati mutu  
Mulut berkata tiadalah tentu  
“Inilah akal Orang Putih itu”

Setengahnya pula menjawab kata  
“Dianya hendak menyenangkan kita  
supaya jalan sama sekata  
senang berjalan kuda kereta”

Tiada dilanjutkan madah rencana  
Jalan dan pasar sudah sempurna  
Sekalian orang berkedai di sana  
Berkumpullah sekalian jantan betina

(*Syair Tuan Hampris*, hal.7)

#### **Pentadbir Yang Bersimpati Dengan Masalah Masyarakat**

Kemiskinan merupakan masalah utama kepada masyarakat Melayu sehingga pada awal kurun ke-20 Masihi. Pengarang STH menyatakan dalam karyanya bahawa kehadiran J.L. Humphreys ke Trengganu seolah ‘memercikkan sinar’ kepada masyarakat Melayu. Beberapa skim meliputi pelbagai peringkat staf kerajaan telah dibaiki secara adil dengan peraturan yang lebih saksama tanpa dikekangi oleh apa-apa perjudis seperti petikan bait-bait di bawah:

Mengada aturan serba-serbi  
Daripada skim rendah dan tinggi  
Undang-undang pula dibuatnya lagi  
Menteri, pegawai skim dibahagi

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 14)

#### **Pentadbir Yang Membantu Dalam Kesusaahan/Kegawatan**

Hajah Wok Aisyah Nik Idris inginkan masyarakat akan datang mengetahui akan kehebatan penasihat British di Terengganu yang bernama J.L. Humphreys ini. Bukan sekadar sumbangannya yang besar tetapi kemampuan beliau untuk ‘turun padang’ bersabung nyawa menyelesaikan masalah kehadiran binatang buas (harimau) di Kuala Trengganu yang telah membunuh dan mencederakan beberapa nyawa anak watan. Menurut Muhammad Yusof Hashim (1988), harimau tersebut telah ditembak mati di Nesan Empat berhampiran Kedai Hilir yang jaraknya satu batu daripada bandar Kuala Terengganu. Beliau dengan beraninya menembak harimau tersebut daripada terus membahayakan masyarakat Terengganu. Ini dipandang oleh masyarakat sebagai satu jasa yang sangat tinggi kerana sudi mempertaruh nyawa demi keselamatan dan kesejahteraan manusia yang lain. Maka, bertepatan dengan pendapat Swettenham (1895:20) bahawa untuk menawan hati masyarakat Melayu, seseorang pentadbir koloni harus bersedia membantu masyarakat terutama di kala menghadapi kegawatan atau kesusaahan. Maka di sinilah, J.L. Humphreys muncul sebagai ‘wira masyarakat’ yang menurut pengarang harus dikenang sehingga bila-bila. Bait-bait syair di bawah membuktikan fenomena ini iaitu:

Hanya inilah saya ketahui  
Masa harimau masuk negeri  
Tuan Hampris datang sendiri  
Menembak harimau berperi-peri

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 18)

Dengan takdir Tuhan Yang Kaya  
Melakukan kudrat hambanya Dia  
Matilah sudah harimau raya  
Tuan Hampris menembak dia

(*Syair Tuan Hampris*, hal.18)

### **Pentadbir Yang Berkongsi Kegembiraan**

Kejayaan seseorang pentadbir kolonial adalah kejayaan dalam membina kepercayaan masyarakat setempat akan signifikan kehadirannya ke dalam komuniti tersebut. Pengarang STH berjaya membuktikannya menerusi jasa J.L.Humphreys yang banyak menyediakan beberapa infrastruktur kepada masyarakat termasuklah memperbesar dan memperkemaskan jalan raya, pasar, menubuhkan beberapa jabatan kerajaan agar dapat mengawal kemajuan negeri seperti Jabatan Kerja Raya, mendirikan dispensari yang bersedia membekalkan ubatan kepada masyarakat, mengajar masyarakat akan kepentingan masa sehingga didirikan jam besar di tengah bandar Kuala Trengganu, menubuhkan mahkamah dan polis bagi memudahkan segala peraturan dan undang-undang sivil masyarakat diterapkan secara bersistem dan memperkenalkan permainan golf dan kriket yang sesuai untuk golongan bangsawan dan atasan. Menurut Annual Report of Terengganu pada tahun 1923 dan 1924 (Muhammad Yusoff Hashim 1988), jalan raya yang diperbesarkan adalah jalan yang menyambungkan Gong Kapas ke Bukit Payung; dari Losong ke Cabang Tiga, Kuala Terengganu ke Bukit Jong. Manakala, penyusunan tempat jualan atau pasar secara sistematik dan tersusun dilakukan sehingga pada awal abad ke-20, terdapat tiga pusat membeli-belah bagi masyarakat Terengganu iaitu Kedai Hilir yang berhampiran dengan Tanjung, Pasar Tanjung dan Kedai/Pasar Payang iaitu tapak pasar besar Kuala Terengganu yang kekal sehingga ke hari ini (Muhammad Yusoff Hashim 1988).

Usaha-usaha kemajuan yang dicetuskan oleh beliau ini amat menusuk hati pengarang STH sehingga beliau dianggap ‘insan yang bertanggungjawab memberi kemajuan’ kepada warga Terengganu. Ini bertepatan dengan pendapat Swettenham (1895:20) bahawa sesiapa yang ingin menwan hati individu Melayu, perkara utama yang perlu diambil kira adalah kesediaan berkongsi kegembiraan dengan masyarakat dalam apa jua bentuk pembaharuan yang mampu memperbaiki taraf kehidupan dan status sosial masyarakat sebagaimana petikan syair di bawah:

Tiada dilanjutkan madah rencana  
Jalan dan pasar sudah sempurna  
Sekalian orang berkedai di sana  
Berkumpul sekalian jantan betina

Nombor satu yang nampak jaya  
Lihatlah ofis Kerja Raya  
Dengan tadbir tuan yang mulia  
Dengan senang menjadikan dia

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 7)

Yang kedua cubalah lihat  
Dispensari pejabat ubat  
Sekalian itu mendatangkan sihat  
Kaya dan miskin senang berubat

Ofis kerajaan besar dan panjang  
Dengan mahkamah sama bertentang  
Di sisinya itu suatu padang  
Tempat bermain pagi dan petang

Demikianlah hamba mendengarkan peri  
Ahli permainan di dalamnya negeri  
Serta sekalian dagang santeri  
Mengatakan tuan bijak bestari

(*Syair Tuan Hampris*, hal.8)

### **Hubungan Pengarang Dengan Tokoh**

Hajah Wok Aisyah Nik Idris turut memasukkan beberapa perspektif personal beliau yang membayangkan keakraban dengan penasihat British, J.L. Humphreys ini. Secara tidak langsung, khalayak pembaca mengetahui akan keunikan hubungan persahabatan antara pengarang STH ini dengan penasihat British ini yang dibuktikan seperti berikut:

#### ***Pengarang Kenal Rapat Dengan Tokoh***

Sedari awal syair, pengarang memasukkan beberapa perkara personal penasihat British ini sehingga khalayak tahu akan status perkahwinannya dan keadaan ibu bapa beliau yang ditinggalkan di England. Realitinya hanya hubungan yang akrab antara keduanya sahaja yang mampu menjelaskan situasi itu tanpa sebarang kejengkelan. Misalnya bait-bait seperti.”Belum beristeri khabarnya dia” (hal.2) dan bait, “Adapun tuan muda teruna, ayahanda bonda ada di sana, di negeri Eropah tempat bertahanha” (hal.2) sudah jelas membuktikan akan keakraban hubungan antara pengarang dan individu yang diperkenalkan dalam karyanya.

#### ***Setiap Peristiwa Dalam Kehidupannya Diingati***

Keakraban pengarang dengan J.L. Humphreys dibuktikan lagi menerusi pemerian kegemaran dan hobinya dan peristiwa kemalangan sampan tenggelam ketika membawa J.L. Humphreys ke kapal untuk pulang ke England. Pengarang menjelaskan dua peristiwa ini secara rinci dan panjang terutamanya kemalangan yang menimpa sahabat Inggerisnya itu. Pemaparan ramainya masyarakat Terengganu mengiringi kepulangan beliau tanpa mengira ras dan bangsa membayangkan betapa tokoh ini sangat disayangi oleh seluruh masyarakat Terengganu pada waktu itu. Petikan syair di bawah membuktikan fenomena ini iaitu:

Golf criket kedua bersatu  
Tuan Hampris terlebih mutu  
capin bermain nombornya satu  
masyhurlah khabar ke sana ke situ

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 8)

Suatu masa kepada rencana  
Khabarnya bercuti tuan yang ghana  
Pulang ke Eropah negerinya sana  
Banyaklah membawa perkakas sempurna

Ramainya lagi Melayu dan Cina  
Berpuluh-puluh konon khabarnya  
Cina yang kaya bersama perginya  
Taukeh Ang Sun Huat Konon namanya

Karamlah sudah perahunya itu  
Berpecah sekalian tiada menentu  
Ada yang ke sini ada yang ke situ  
Tangan meraba tiada menentu

(*Syair Tuan Hampris*, hal.9)

(*Syair Tuan Hampris*, hal. 12).

### ***Mendoakan Kesejahteraan***

Beberapa karya terdahulu daripada STH dipaparkan pengarangnya turut mendoakan kesejahteraan ‘pihak kolonial’ yang menjajah seperti dalam *Hikayat Abdullah*, *Syair Hikayat Mareskalek*, *Syair Queen Victoria Golden Jubilee* dan beberapa yang lain. Doa agar dilanjutkan usia pemerintah British dan dirahmati Allah akan umurnya adalah fenomena yang berlaku pada zaman kolonialisasi British di Tanah Melayu. Maka, tidak hairanlah jika keakraban Hajah Wok Aisyah Nik Idris dan J.T. Humphreys menyebabkan beberapa bait syair yang mendoakan kesejahteraan beliau dimasukkan sebagai ingatan generasi akan datang betapa signifikannya jasa individu ini kepada masyarakat Terengganu seperti berikut:

Kebaktiannya banyak tiada terperi  
Menjadikan tamadun dalamnya negeri  
Tuan penasihat bijak bestari  
Payah didapat sukar dicari

(*Syair Tuan Hampris*, hal.15)

### ***Pertukarannya Yang Ditangisi***

Pengarang mengambarkan kedukaan yang dialami oleh masyarakat Terengganu pada awal abad ke-20 ketika J.T. Humphreys akan ditukarkan ke Kedah setelah hampir sepuluh (10) tahun berkhidmat di Terengganu. Pengarang mengajak khalayak kembali mengingati ‘kisah harimau’ yang mengganas di Terengganu sehingga turun penasihat British ini dan rela bersabung nyawa demi menyelamatkan masyarakat daripada terus terkorban. Fenomena gawat ini terus dikenang oleh pengarang dan rakyat Terengganu sebagai satu usaha mulia tokoh yang tidak terbalas malah tiada galang gantinya. Bait syair dibawah membuktikan kedukaan yang dialami yang wajar dicatat dalam syair ini sebagai kenangan berterusan kepada tokoh seperti berikut:

Tiadalah saya lanjutkan madah  
Kerana hati terlalu gundah  
Kisah harimau terhentilah sudah  
Khabarnya tuan akan berpindah

(*Syair Tuan Hampris*, hal.19)

Manakala mendengar khabar yang sungguh  
Tuan tak dapat lagi bertangguh  
Oder belayar sudah terjatuh  
Sekalian pegawai berhati luluh

(*Syair Tuan Hampris*, hal.20)

### ***Imaginasi Pengarang Setelah Ketiadaan Tokoh***

Kekreatifan pengarang STH berimajinasi dibuktikan meneusi syair ini yang membayangkan keakraban hubungannya dengan tokoh. Besar kemungkinan menerusi perbualan dan pembacaan pengarang maka beliau mampu membayangkan suasana musim sejuk di England dengan rinci seolah-olah pernah berkunjung ke sana. Penghayatan yang luar biasa ini membayangkan pengarang sentiasa mengingati tokoh walau telah tiada di sisinya. Bait syair yang membayangkan kehidupan musim sejuk di negara England dinyatakan oleh pengarang sebagai, “Licin dan jernih tiada terkira”, “segala daun gugurlah segera”, ”Matahari pun redup nampak udara” (hal. 24) menjelaskan keprihatinan pengarang sehingga mampu menyelami keadaan cuaca yang beliau sendiri belum pernah mengalaminya.

### ***Pengarang Terus Merisik Khabar Walau Tokoh Tiada Lagi Di Terengganu***

Nostalgia indah ketika J.L. Humphreys masih di Terengganu kekal segar dalam ingatan pengarang. Ketiadaan tokoh tidak dijadikan alas an untuk terus melupainya. Penagarang terus mengambil tahu keadaan tokoh sehingga ke akhir hayatnya. Ini membayangkan hubungan yang sangat akrab seolah mereka saling berutusan khabar sehingga pengarang mengetahui setiap perkembangan terkini sahabatnya itu. Petikan syair di bawah membuktikan situasi ini iaitu:

Semasa ini tetaplah tuan  
Di North Borneo di Jeselton  
Menjadi gabenor dengan kebesaran  
Mendapat pangkat daripada London

(*Syair Tuan Hampris*, hal.27)

Surat ini tamatlah sudah  
Kisah dan peri tuan berpindah  
Dari Terengganu sampai ke Kedah  
Sampai ke Borneo habislah sudah

(*Syair Tuan Hampris*, hal.28)

Daripada sangat berkehendak hati  
Tetapi aturan kurang mengerti  
Membuat tawarikh ingatan hati  
Jasa tuan ditaruh diingati

### **Kesimpulan**

Meneliti STH mengajak khalayak ke satu spectrum perhubungan yang unik antara masyarakat yang dijajah dengan penjajah. Penjajah dalam STH bukan lagi dianggap sebagai individu yang membawa kerosakan dan kebinasaan kepada masyarakat tetapi dipandang mulia setiap tindak-tanduknya. Apatah lagi pengarang yang merupakan seorang wanita dapat menjelaskan

hubungan keakrabantan mereka dengan sempurna di dalam karya. Aplikasi pendapat Swettenham (1895) terhadap setiap perilaku J.L. Humphreys yang digambarkan dalam syair membuktikan beliau amat menepati personaliti yang mampu menawan masyarakat yang dijajah. Berbekalkan ilmu yang mantap, penghormatan yang tinggi kepada agama, adat dan budaya masyarakat dan kejayaan berasimilasi dengan segala bentuk kepercayaan dan tatacara kehidupan masyarakat yang dijajah adalah faktor kejayaan bagi seseorang pegawai kolonial. Oleh kerana itulah syair ini amat istimewa walau menjadikan ‘yang menjajah’ sebagai fokus utama kerana terdapat keserasian dalam hubungan antarabangsa itu tanpa mengira batas bangsa, kepercayaan dan agama.

## Rujukan

- Abrahams, C. (2004). *The Naked Social Order: The Root of Racial Polarization in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk.
- Alatas, Syed Hussein. (1977). *Mitos Peribumi Malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bottoms, J.C. (1965). *Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note*. Dlm. Soedjatmoko, et.al. (Ed.). *An Introduction to Indonesian Historiography*, hal. 156-193. New York: Cornell University Press.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: Koninklijk Instituut Voor Taal-, Land- En Volkenkunde Press.
- Braginsky, V.I. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ismail Hussein. (1974). *The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Knaap, G. (1994). 'One Hundred and Fisty Volumes of Bidragen', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*. 150 Volumes of Bidragen: Abackward Glipmse and a Forward Glimpse, 150 (4), 637-652.
- Lebret. L.J. (1965). *The Last Revolution: The Destiny of Over- and Under-developed Nations*. John Horgan (transl). New York: Sheed and Ward.
- Milner, A. (1995). *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. New York: Cambridge University Press.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn.Bhd.
- Murtagh, B. (2014). *Syair Inggeris Menyerang Kota: Some Preliminary Remarks*. Dlm. Jelani Harun & B. Murtagh (Eds.). Esei penghargaan kepada Profesor Emeritus V.I.Braginsky: Mengharungi Laut Sastera Melayu, hal. 217-249. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ngugi wa Thiong'o. (1998). *Penpoints, Gunpoints and Dreams: Towards A Critical Theory of the Arts and the State in Africa*. Oxford: Clarendon Press.
- Noriah Taslim. (2016). The Image of the Europeans in *Hikayat Mareskalek*. Malay Literature. 29 (1), 73-99.
- Noriah Taslim. (2016). *Kolonialisme dan Fenomena Sastera Abad Peralihan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Parnickle, B. (1995). *Perkembangan Sastera Nusantara Serumpun (Abad ke-7 hingga 19)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raimy Che-Ross. (2008). A Malay Poem on New Year's Day (1848): Munshi Abdullah Lyric Carnival. *Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 81(1): 49-82.
- Said, E. (1979). *Orientalism*. London: Routledge and Kegan Paul.

- Shaharuddin Maaruf. (1989). Renungan Kritis ke Atas Sejarah Massa Melayu. Dlm. Di Sebalik Jendela Utusan: Suara Keramat. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Shaharuddin Maaruf. (1991). Malay Literature as Social History. Dlm. E.Thumboo (Ed.). Perceiving Other Worlds. Singapore: Times Academic Press.
- Skinner, C. (1959). Prosa Melayu Baharu. London: Longmans Green and Co.
- Skinner, C. (1978). 'Transitional Malay Literature. Pt.1. Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah', Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, 134 (3), 466-487.
- Sweeney, A. and Philips, N. (1975). The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, A. (1987). A Full Hearing, Orality and Literacy in the Malay World. Berkeley: University of California Press.
- Swettenham, F.A. (1895). The Malay Sketches. London: John Lane.
- Zaini-Lajoubert, M. (2008). Karya Lengkap Abdulllah bin Muhammad al-Misri. Jakarta: École Française d'Extrême-Orient, Komunitas Bambu.